-Pengubahsuaian terhadap pemerintahan beraja, institusi kesultanan diperkenalkan, pengaruh Kerajaan Abbasiyah dan Turki

-Sultan ketua Negara, Mufti penasihat Sultan dalam hal agama. Pegawai agama kadi, Khatib, bilal, pemungut zakat, penjaga harta wakaf

-Raja-raja Melaka diberi gelaran Khalifatul Mukmi (pemimpin orang mukminin), tercatat pd wang siling Melaka, Johor, Pahang, Kedah.

-Raja juga digelar Zillullah Fil Alam (bayangan Allah ddalam Alam)

-Islam agama rasmi, Melaka,Aceh, Brunei

-Menguna pakai undang-undang Islam dalam pemerintahan di Melaka, Aceh, Pasai.
(konsep dewa-raja-raja keturunan tuhan hindu) tidak digunakan lagi.

-Nama-nama berunsur Islam diguna pakai seperti Aceh Darus Salam, Sultan Mansur Syah (pemerintah yg dibantu Allah)

-Undang-Undang Syariah digunakan, kecurian, pembunuhan, perniagaan dan harta pusaka (Hukum Kanun Melaka)

-Di Aceh terdapat Kanun Mahkota Alam

-Mengerakkan semangat jihad dikalangan tempatan utk menentang penjajah. Semangat jihad ini disebarkan menerusi tulisan kitab. Seperti Syekh Daud Pattani

✍ **Sistem Pendidikan**

- Sebelum Islam, golongan awam tdak mementingkan dan kurang mendapat peluang pendidikan
- Kedatangan Islam mewajibkan pengikutnya mempelajari ilmu agama
- Institusi pendidikan –istana,pondok,madrasah,pasentran, surau,
- Pusat pendidikan Islam formal terawal di AT muncul zaman kerajaan Islam Perlak, sekitar abad ke-9M digelar dayah, contoh Dayah Bukit Ce Breek
- Pendidikan Pondok muncul di Pattani, Aceh, Jawa, Tanah Melayu
- Sistem pendidikan di Aceh lebih sistematik
 - a) Rangkang – peringkat rendah
 - b) Muenasah – menengah
 - c) Jamiah Bait al-Rahman – pengajian tinggi @ universiti
- Pada abad ke-16/17 ramai pelajar luar datang ke Aceh sehinggakan Aceh digelar Serambi Makkah.

Bahasa dan Kesusasteraan

- ✍ Kedatangan Islam telah meningkatkan mutu bahasa dan kesusasteraan Melayu
- ✍ Pengaruh Islam dalam bidang bahasa wujudnya tulisan jawi
- ✍ Menjadi tulisan rasmi dalam pentadbiran Islam menggantikan tulisan Palava Dewanagari, Hinddu Buddha
- ✍ Istilah Arab dalam bahasa Melayu, sultan, syukur, masjid, berkat, alam
- ✍ Tulisan jawa digunakan utuk berkarya, lahirlah saterawan seperti Tun Sri Lanang, Syamsudin al-Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel
- ✍ Bahasa Melayu menjadi bahasa lingua-franca, bahasa ilmu
- ✍ Karya-karya jawa (cerita panji) diterjemahkan ke bahasa Melayu

Cara Hidup

- ◆ Sebelum Islam, budaya dan cara hidup masyarakat Asia Tenggara dipengaruhi animisme, Hinddu dan Buddha
- ◆ Kedatangan Islam membawa sinar baru dalam kepercayaan masyarakat tempatan, cara hidup, cara berpakaian dan `ad-din`
- ◆ Sistem kasta bertukar kpd konsep persaudara / sama taraf / tolong menolong

Kesenian

- ✍ Kesenian Islam telah meresap dalam seni bina tempatan dari aspek seni khat, seni, bina dan seni ukir

Cthnya : pada batu Nisan terdapat tulisan jawi dan al-Quran. Terdapat juga ukiran daun dan

syair Parsi pada makam yang terdapat di Pasai.

- ✍ Tulisan khat pada batu nisan, mata keris
- ✍ Unsur seni khat Islam dalam seni ukiran kayu, contohnya terdapat pada bangunan masjid, surau dan rumah kediaman
- ✍ Pengaruh seni bina Islam dapat dilihat pada bentuk bangunan masjid, kubah, mimbar, mihrab dan menara azan.

Ekonomi

- Islam juga mempengaruhi sistem ekonomi masyarakat AT, umpamanya :
Baitulmal (perbendaharaan negara) telah diperkenalkan di Aceh oleh Sultan Iskandar Muda
- Mencari rezeki yang halal dan jangan mengemis
- Amalam riba, penipuan dilarang
- Amalan berjimat cermat dan berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Rumusan

- ✍ Kedatangan Islam dirintis oleh pedagang Islam. Diteruskan oleh Kerajaan Islam
- ✍ Pengaruh Islam dapat dikesan dalam sistem pemerintahan negara di AT
- ✍ Nilai-nilai Islam diamalkan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial
- ✍ Penyebaran Islam disebarkan secara aman di AT

BAB 8

PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

A.PENGENALAN

Pertapakan Islam di Tanah Melayu mula berlaku sekitar abad ke-13. Namun begitu pengaruhnya dalam politik, ekonomi dan sosial nampak ketara di zaman Kerajaan Melayu Melaka abad ke-15

B.Kesan Kedatangan Islam Terhadap Politik

Pentadbiran

✍ Institusi beraja

- Sebelum Islam dipengaruhi Hinddu-Buddha (dewa raja)
- Kedatangan Islam, menggunakan istilah Sultan, konsep ~ sultan bayangan Allah di muka bumi ~
- Pemerintah- khalifatul Mukminin (pemimpin orang mukmin) cth : Sultan Mahmud Shah, Melaka. Sultan Abdul Ghafur Muhyidin, Pahang

✍ Nasab keturunan

- Sebelum Islam nasab keturunan raja daripada dewa
- Setelah Islam – nasab keturunan raja/sultan daripada tokoh Islam Iskandar Zulkarnain
- Institusi berdasarkan pewarisan, sultan kuasa tertinggi dalam pemerintahan

✍ Sistem kesultanan

- Sultan dibantu lapisan pembesar
- Hubungan erat dengan golongan ulama, spt Makhdom Sayid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Jahan
- Konsep daulat (kuasa tertentu), dipercayai kebenarannya. Mengangkat raja dikedudukan tertinggi. Pelbagai adat diwujudkan utk mengukuhkan konsep daulat spt. Cara berpakaian, jenis pakaian, pengucapan, istiadat pertabalan.

Perundangan

☞ Masyarakat Melayu mempunyai peraturan hidupnya tersendiri

◆ Undang-Undang Tidak Bertulis(adat)

☞ Adat Perpatih

☞ Diguna pakai oleh orang Melayu Minangkabau, Negeri Sembilan, Nanning

☞ Terdiri daripada 12 suku, setiap suku tak boleh berkahwin dgn ahli sendiri

☞ Setiap suku ada ketua (Lembaga)

☞ Anak Buah-Buapak-Lembaga-Undang-Yamtuan

☞ Diasakan Datuk Perpatih Nan Sebatang, Sumatera

☞ Nasab keturunan sebelah ibu.

☞ Adat Temenggung

☞ Nasab keturunan dari bapa

☞ Pembahagian pusaka diutamakan anak lelaki

☞ Diasakan Datuk Ketumanggungan, Sumatera

☞ Adat ini telah disesuaikan dengan ajaran islam

Undang-Undang Bertulis

◆ Sebelum Islam berdasarkan Hukum Kanun Manu, tradisi Hindu.

◆ Setelah Islam hukum berasaskan Islam, cth Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang laut Melaka, Undang-Undang Pahang.

◆ HKM-menjelaskan tanggungjawab raja dan pembesar, pantang laranag dikalangan masyarakat, hukuman terhadap kesalahan jenayah

◆ ULM- aktiviti perdagangan dilautan

◆ Seoran nokhda dianggap IMAM dan anak buah sebagai MAKMUM

◆ Semua undang-undang mengecualikan raja

C.Pengaruh Terhadap Sosiaobudaya

Pendidikan

Pendidikan Tidak Formal

☞ Berlaku dalam institusi keluarga

☞ Penekanan terhadap pengajaran nilai-nilai moral

☞ Pembelajaran melalui pendengaran, pengelihatan, pemerhatian

Cth: hal agama, pertanian, adar resam dll.

☞ Pembelajaran nilai murni melalui cerita-cerita lisan/ jenaka/ binatang/ pergaulan sosial/ pantun/ peribahasa

Pendidikan Formal

☞ Berkaitan dengan agama, zaman Hinddu-Buddha ; pendeta @ guru khas ditugaskan utk menyampaikan ilmu bertempat di istana

☞ Didominasi oleh golongan atasan sahaja.

☞ Dengan kedatangan Islam, semua golongan terlibat dalam pembelajaran agama

- ✍ Bertempat di istana, masjid, surau, rumah
- ✍ Penekanan pembelajaran al-Quran, biasanya di rumah guru alQuran
- ✍ Zaman Melaka, istana menjadi pusat pengajian agama dan tempat menyimpan hikayat penting, cth Hikayat Amir Hamzah
- ✍ Ramai pendakwah menetap di Melaka
- ✍ Sistem pendidikan **pondok**, penekanan ilmu keagamaan, pelajar-pelajarnya boleh bertugas sebagai guru agama dan beri khidmat kpd masyarakat.
- ✍ Bermula di Pattani abad ke-12M, antaranya Pondok Pulau Condong Kelantan ,dibuka Hj.Abdul Samad Abdullah (Tuk Pulau Condong)
- ✍ Masa belajarnya lama , sehingga 10 tahun

Bahasa dan Kesusasteraan

- ◆ Sebelum kedatangan Islam, tulisan yg digunakan Pallava, Kawi (jawa kuno) Sunda Kuno, Batak, Rencong
- ◆ Kedatanag Islam memperkenalkan huruf Arab dan diubahsuai oleh orang Melayu menjadi **tulisan jawi**
- ◆ Istilah Arab diguna pakai dalam bahasa Melayu cthnya : *adat, adil, daulat, hakim, hukum*
- ◆ Sebelum ini kesusasteraan rakyat disebarkan secara lisan, dari generasi kegenerasi
- ◆ Penulisan karya berkembang, karya yang dihasilkan bentuk prosa dan puisi . seperti Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Bulan Berbelah
- ◆ Hikayat saduran bercorak Arab-Parsi
- ◆ Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah karya yang penting dan disimpan di Istana Melaka.

Kesenian

- Seni, sesuatu yang indah kpd penciptanya @ penatapnya
 - Keindahan dapat dilihat dalam bentuk Seni Halus, Seni Rupa, Seni Tampak, Seni Persembahan, Seni Tekstil, Busana.
 - Orang Melayu terlibat dgn kesenian sebelum kedatangan Islam lagi.
 - Bidang seni bina terpengaruh tradisi Hindu-Buddha
- Contohnya, penemuan candi-candi di Lembah Bujang
- Kedatangan Islam telah mempengaruhi Seni Bina tempatan yg berkait rapat dengan agama Islam
- Contohnya Seni Bina masjid pada mihrab, mimbar, kubah.
- Masjid tertua di Tanah Melayu, Masjid Kampung Laut, Kelantan dan Masjid Tengker, Melaka yg juga terpengaruh dgn seni bina China
 - Sebelum Islam motif ukiran berdasarkan binatang spt burung, ayam, siput dll.
 - Dengan kedatangan Islam motif ukiran berubah kpd tumbuh-tumbuhan, bunga dan geometri
 - Seni tulisan Islam dikenali sebagai khat @ kaligrafi. Tulisan khat jadi hiasan dimasjid, batu nisan, tembikar, mata wang, pakaian.

- Jenis tulisan khat yang digemari orang Melayu jenis kufi dan nasakh
- Seni Persembahan seperti tarian, drama, muzik, nyanyian, wayang kulit yang berjalan sebelum Islam lagi
- Setelah kedatangan Islam seni ini diteruskan dengan penyesuaian agama
- Pengaruh Asia Barat menular di rantau ini, misalnya **tarian dabus** yg dikaitkan dengan kepahlawanan Saidina Ali
- Bidang nyanyian yang terpengaruh dengan Islam ialah nazam @ naban, terkenal di Terengganu, Pahang, Melaka. ianya mengisahkan riwayat Nabi Muhammad s.a.w dan para nabi Allah.

Gaya Hidup

✍ Islam mempengaruhi sistem hidup orang Melayu dari pelbagai aspek :

- 1) Kepercayaan / akidah
- 2) Akhlak , cth amalan hijabah/ protokol
- 4) Perlantikan Raja – sebelum Islam dilakukan upacara pembacaan CIRI, iaitu kata-kata hikmat dalam bahasa Sanskrit. Setelah kedatangan Islam dilakukan pula upacara lafaz ikrar oleh sultan
- 5) Hubungan antara individu – panggilan tertentu utk orang lebih tua sept pak long dan mak long
- 6) Menziarah – memberi salam dan bersalam
- 7) Majlis perkahwinan turut dipengaruhi nilai Islam seperti majlis khatam al-Quran

D.Pengaruh Islam Terhadap Ekonomi

★Kemunculan Islam turut membawa kesan besar kepada orang Melayu dari aspek ekonomi.

Perdagangan

- ◆ Sejak abad ke-12 – 18, aktiviti perdagangan di Lautan Hindi dan Laut China Selatan didominasi pedagang Islam
- ◆ Pedagang Melayu turut membabitkan diri secara aktif dalam perdagangan
- ◆ Agama Islam menjelaskan 9/10 sumber ekonomi datangnya daripada perniagaan
- ◆ Melaka menjadi pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam yang penting abad ke-15 d rantau AT.
- ◆ Sistem timbang dan sukat di Melaka menggunakan sistem tahil dan kati (emas, perak, wangian dan batu permata)
- ◆ Setelah kejatuhan Melaka, kerajaan Johor, Kedah, Kelantan, terengganu menjadi pusat perdagangan penting abad ke-17-18.

Mata Wang

✍ Mata wang digunakan sebagai perantaraan nilai barangan utk memudahkan urusan

- ✍ Zaman Melaka, mata wang yang diperbuat daripada timah digunakan, berbentuk bulat dan beratnya satu kati lapan tahlil, nama sultan yang memerintah dan tarikh dicatat pada wang itu.
- ✍ Mata wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay juga digunakan di Melaka
- ✍ Di Johor, mata wangnya juga daripada timah dikenali **wang katun**, bentuk bulat dan enam segi. Pada wang itu ditulis Arab @ jawi (Malik @ Sultan al-Adil)
- ✍ Kedah juga ada mata wang timah ,abad ke-17, utk kegunaan tempatan berbentuk seekor ayam jantan
- ✍ Ada juga mata wang daripada emas digunakan di Johor dan Kedah
- ✍ Mata wang emas digunakan di Kelantan dikenali sebagai **kijang**
- ✍ Mata wang Johor digelar **kupang**, taiap-tiap mata wang ditulis nama sultan yang memerintah. Dibelakang mata wang ditulis **Khalifatul Muslimin**.

Percukaian

- ✍ Cukai merupakan bayaran yang dikenakan oleh pemerintah terhadap aktiviti @ barangan tertentu. Cukai yang diterima merupakan pendapatan kerajaan dan akan disalurkan utk pembangunan negara.
- ✍ Di Melaka, para pedagang dikenakan cukai sebelum berniaga .
- ✍ Cukai 6 % dikenakan kpd pedagang Ceylon, Tanah Arab, Siam, Pegu
- ✍ Cukai 5 % bagi pegangan China dan Jepun.
- ✍ Cukai diraja 3% bagi Kepulauan Melayu
- ✍ Pengaruh Islam dalam perniagaan , amalan riba tidak dibenarkan
- ✍ Larangan amalan **riba** tertulis dalam Hukum Kanun Melaka
- ✍ Golongan kaya kena bayar zakat harta yang diuruskan oleh **baitulmal**

E.Rumusan

- ✍ Pengaruh Islam di rantau ini cukup besar dari aspek politik, ekonomi dan sosial sebelum kedatangan barat.
- ✍ Telah berjaya mengatasi pengaruh Hinddu-Buddha yang sebelum ini bertapak dalam masyarakat tempatan
- ✍ Islam dapat diterima dengan mudah dan lahirlah beberapa buah kerajaan Islam seperti Pasai, Melaka dan Aceh.

BAB 9 : **PERKEMBANGAN DI EROPAH**

A. Perubahan Masyarakat dan Budaya Eropah

- ⌘ Kejatuhan Tamadun Rom 476M, menjadikan eropah mengalami zaman mundurnya yg dikenali dengan **Zaman Gelap** .
 - ⌘ Zaman Gelap merupakan peringkat awal **Zaman Pertengahan**
- 1) Peringkat awal (476-1050M)
 - 2) Peringkat kemuncak (1050-1300M)
 - 3) Peringkat akhir (1300-1450)
- ⌘ Peringkat akhir Zaman Pertengahan muncul **Zaman Renaissance** (1350-1600M)

Zaman Gelap (476-1050M)

- ⌘ Eropah mengalami kemerosotan dlm bidang ilmu pengetahuan, perdagangan dan kehidupan perbandaran
- ⌘ Pada masa yang sama dunia Islam mencapai kegemilangan (570 – 1600 M)
- ⌘ Apabila empayar Rom runtuh, tiada lagi kuasa pusay yang memerintah
- ⌘ Muncul golongan **baron** (tuan tanah) – glg petani cari perlindungan drp tuan tanah, terpaksa bayar cukai – tak mampu, jual tanah - jadi hamba.
- ⌘ Glg baron beri khidmat @ bayar cukai kpd **golongan raja**.
- ⌘ Bermulanya pembentukan sistem feodal di eropah

- ☞ Raja mempunyai banyak tanah dan golongan pembesar mendapat naungan raja manakala rakyat mendapat perlindungan pembesar
- ☞ **Gereja Katolik** amat berkuasa, banyak hartanah- fokus kpd amalan agama
- ☞ Perdagangan sedikit dan sering diganggu **orang gasar** Viking dan Magyar

Zaman Renaissance (1350-1600M)

- ☞ Maksud ` kelahiran semula ` : merujuk kepada penghargaan semula ilmu yg telah dihasilkan oleh tamadun Rom dan Yunani
- ☞ Asas Zaman Renaissance, memberi tumpuan kepada keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan masalah (humanisme)
- ☞ Tokohnya Francesco Petrarch, Niccolo Machiavelli, Geonanni Bacaccio
- ☞ Zaman renaissance muncul di Itali abad ke-14 – ke-17
- ☞ Itali strategik, muncul pusat perdagangan antarabangsa seperti di Venice dan Genoa
- ☞ Muncul pedagang kaya yg menjadi penaung @ **patron** kpd para pelukis, ahli muzik, saintis dan penulis
- ☞ Golongan patron menarik seniman dan cendikiawan ke bandar-bandar penting utk dibangunkan
- ☞ **Paus** di Rom juga menjadi penaung kpd seniman dan cendikiawan – tapi tidak suka kepada ahli sains dan matematik kerana berlawanan dengan pemikiran gereja
- ☞ Gereja beri tumpuan kpd seni lukis dan seni ukir saja . contohnya menghiasai gereja dan katedral
- ☞ Munculnya semangat individualisme, mahu dikenali secara individu seperti pelukis Leonardo da Vinci
- ☞ Penguasaan banyak kemahiran bagi seorang individu, seni, ukiran,ilmuan dll.

Kesan Zaman Renaissance

Politik

- 1) Kemunculan Monarki Baru
 - Bayar cukai kpd kerajaan
 - kuasa bangsawan dan gereja berkurangan
 - Cth : Portugal / Belanda / England / Perancis

Ekonomi

- 1) Ekonomi Sara Diri kian pupus
 - kegiatan ekonomi perdagangan meningkat

Sosial

- perubahan pemikiran dan gaya hidup
- Emosi dicerminkan melalui muzik, lukisan, falsafah
- Manusia bersifat inkuiri, keobjektifan dan berani.

Gerakan Reformation

- ◆ Reformation bermaksud “ melakukan perubahan @ pembaharuan utk menghasikan sesuatu yg baru @ lebih baik ”
 - ◆ Bermula di Eropah Barat, asalnya berkaitan dengan agama Kristian.
 - ◆ Pihak gereja telah cuba meningkatkan usaha pembangunan keduniannya di Itali, dalam proses tersebut berlaku penyelewangan seperti rasuah, salah guna kuasa dan gaya hidup raja/ bangsawan
 - ◆ Penjualan **sijil indulgences** (surat pengampunan) bagi penganut kristian, ianya merebak ke Eropah
 - ◆ Reformation bermula di Jerman dan bersifat keagamaan
- 1) mencetak buku Bible
 - 2) penentangan amalan Indulgence oleh prof.Martin Luther
 - 3) lahirnya mazhab baru dalam agama kristian iaitu mazhab Protestan (membantah) oleh Martin Luther
- Mazhab Protesten berkembang ke Sweden, Denmark, Norway dan England

- ◆ Golongan **Counter Reformation** cuba mempertahannya Gereja Katolik

Kesan Zaman Reformation

- ◆ **Agama**
- ✍ Negara Eropah berpecah/berperang mengikut mazhab, cthnya Perang 30 tahun (1618-1648) melibatkan Sepanyol,Jerman,Denmark,Sweden.
- ✍ Timbulnya sikap tolenrasi dalam penyebaran fahaman
- ✍ Kuasa Gereja telah dicabar dan berkurangan

B.Penjelajahan dan Penerokaan

- ✍ Kegiatan para pelaut Eropah mencari laluan baru ke Timur
- ✍ Bermula abad ke-16
- ✍ Sebelum ini orang Eropah mendapat bahan mentah (rempah) daripada pedagang Arab di Istanbul, Turki. Tetapi apabila Istanbul dikusai Islam mereka berusaha mendapatkan sendiri bahan mentah dari timur.

Penemuan Jalan Laut dan Dunia Baru

Sebab-Sebab Penjelajahan

1. Desakan Ekonomi

- Orang Eropah ingin mendapatkan emas, sutera, rempah ratus dari Timur
- Kuasa Eropah awal yang terlibat ialah Portugis, Belanda dan Sepanyol
- Perjanjian Tordesillas* 1494 ditandatangani antara Portugis dan Sepanyol bagi menetapkan kawasan pengaruh masing2
- Antara pelaut yang unggul pada masa itu ialah Christopher Colombus , Ferdinand Magellan dan Vasco da Gama

2. Keagamaan

- Sepanyol dan Portugal penganut Kristian Katolik mahu menyebarkan ajaran ke seberang laut

3. Galakan Raja

- Raja England, Perancis, Belanda dan Portugis menggalakkan penjelajahan

Kesan-Kesan Penjelajahan Terhadap Masyarakat Setempat

Politik

- ◆ Penguasa tempatan terpaksa membuat perjanjian dengan wakil kuasa Eropah, secara tidak langsung mengiktiraf kuasa Eropah
- ◆ Wakil Eropah seperti Syarikat Hindia Timur Belanda(VOC), Syarikat Hindia Barat Belanda (WIC), Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC)

Ekonomi

- ◆ Kawasan pembekal barangan seperti Goa dan Melaka dikuasai Eropah
- ◆ Jalan pelayaran di Lautan Hindi dan Asia Tenggara di kuasai Portugis dulunya dikuasai Islam Arab

Sosial

- ◆ Masyarakat tempatan terpengaruh dgn gaya hidup org Eropah
- ◆ Agama kristian tersebar ditempat penjelajahan org Eropah
- ◆ Menghapuskan tamadun masyarakat tempatan seperti tamadun Aztec di Mexico, tamadun Inca di Peru ,oleh penguasaan Sepanyol
- ◆ Mengeksploitasi buruh peribumi

C.Revolusi

- ✍ *Revolusi* merupakan suatu perubahan besar yang berlaku secara

mendadak dan menyeluruh

- ✍ Berlaku dalam bidang politik, sosial dan ekonomi- cthnya kebangkitan menukarkan sistem pemerintahan kolonial kepada peribumi (Indonesia)

Revolusi Pertanian

- ✍ Faktor-faktor pengerakan Revolusi Pertanian

1) Perubahan Penggunaan Tanah dan pemilikan Tanah

- Sebelum RP terdapat 2 sistem pemilikan tanah iaitu, sistem pemilikan tanah persendirian dan pemilikan tanah awam (tanah yg dimiliki perseorangan namun diizinkan oleh tuan punya diusahakan oleh orang susah)
- Tuan-tuan tanah mahu memanfaatkan tanah awam tersebut bagi tujuan pengeluaran pertanian. Antara tahun 1761-1792 hampir 500,000 ekar tanah dipagari
- Ramai petani kehilangan punca rezeki namun begitu mereka kini bekerja pula sebagai buruh ladang

2) Kaedah dan Ciptaan Baru dalam Pertanian

- Penanaman secara bergilir- tanah digunakan bertanam berterusan sepanjang tahun dgn tanaman yg berbeza mengikut musim
- Dengan itu tidak perlu ditinggalkan kosong seperti sebelumnya.
- Lord Townshend(1674) menggunakan kaedah ini bagi tanaman semanggi, clover dan turnip dan hasilnya lumayan (ms.228)
- Jetho Tull telah mencipta alat menggali dan menugal
- Rekaan mesin dalam industri tekstil oleh tokoh tertentu (ms.229)

3) Pertanian Komersial

- Peningkatan kuantiti dan kualiti hasil pertanian

Perkembangan Bidang Perindustrian

Faktor Pendorong

1) Modal

- ✍ Peladang yg kaya melabur dlm perindustrian
- ✍ Bahan makanan banyak, dapat menampung keperluan pekerja kilang
- ✍ Tidak perlu import makanan drp luar, jimat kos

2) Rekaan Teknologi Mesin

- ✍ Lahirnya tokoh pencipta seperti James Watt, merekacipta enjin berkuasa wap

Peralihan drp industri desa kpd perkilangan

- ✍ Sebelum RP, produk dihasilkan secara kecilan dgn tenaga manusia
- ✍ RP telah mereka cipta mesin dan banyak barangan dapat dihasilkan dan diperdagangkan
- ✍ RP bermaksud perubahan dlm teknik pengeluaran, skala pengeluaran dan aktiviti komersialkan

Pengkhususan Pengeluaran

- ◆ Pengusaha menumpukan kepada satu bidang saja, cth bidang tekstil
- ◆ Majikan dapat memberi tumpuan
- ◆ Pekerja bertambah mahir
- ◆ Kuantiti dan kualiti dapat ditingkatkan
- ◆ Pasaran luar negara

Penggunaan Teknologi

- ◆ Pelbagai mesin direka pada zaman RP utk meningkatkan pengeluaran
- ◆ Cthnya penggunaan **tenaga wap** (drp pem bakaran arang batu) –ms.232
- ◆ Dengan penggunaan mesin, barangan dapat dikeluarkan dgn banyak, kos murah dan harga barangan menjadi murah- semua orang boleh beli
- ◆ Enjin berkuasa wap digunakan dalam perlombongan arang batu, keretapi dan kapal laut

Kesan Revolusi Pertanian dan Perindustrian

- 1) Pertanian dan Industri Sebagai Punca Ekonomi
 - ◆ Bidang pertanian menyediakan bidang pekerjaan dan pendapatan negara
 - ◆ Semakin ramai rakyat Britain terlibat sebagai buruh industri
- 2) Peningkatan Perdagangan Antarabangsa
 - ◆ Lebihan produk dalam negara diperdagangkan ke luar, tambahan pula Britain sebagai negara penjajah
 - ◆ Sistem pengangkutan dalam dan luar negara dipertingkatkan utk tujuan import eksport
- 3) Kemajuan Bidang Pengangkutan
 - ◆ Enjin berkuasa wap mula digunakn di darat dan laut (ms.235)
 - ◆ Penggunaan keretapi berkuasa wap oleh G.Stephenson 1829.

4) Kemunculan Golongan Buruh dan Majikan

- ◆ Akibat Revolusi Pertanian dan Perindustrian, golongan rakyat yg berkerja sendiri bertambah kurang dan mereka bekerja diladang@ kilang
- ◆ Pada peringkat awal RPP golongan buruh tidak mendapat layanan yg adil
- ◆ Terdapat juga golongan bawahan atau pekerja tradisional protes penggunaan mesin dalam bidang tekstil (Pergerakan Luddite, 1810)
- ◆ Zaman awal revolusi industri terdapat akta antipenggabungan, melarang para pekerja bermufakat utk naik gaji @ layanan istimewa
- ◆ Buruh kanak-kanak dieksploitasi dan kerja lebih 10 jam
- ◆ Keadaan berubah, 1824 Akta Antipenggabungan dimansuhkan
- ◆ 1833, Akta Kilang digubal, kanak-kanak bawah 9 tahun dilarang bekerja
- ◆ Akta Lombong 1842, kanak-kanak perempuan dan wanita tidak boleh bekerja lombong
- ◆ Akta 10 jam bekerja, 1847

D.Imperialisme di Asia

- ✍ **IMP** : Penguasaan sesebuah negara yang lebih kuat terhadap negara lain yang lebih lemah. Penguasaan ini bertujuan untuk mendapat keuntungan dari segi politik dan ekonomi
- ✍ Kemuncak kegiatan ini selepas Revolusi Perindustrian
- ✍ Sebelum RP negara penjajah hanya berminat utk mendapat bekalan bahan mentah sahaja seperti rempah ratus, emas dan perak.
- ✍ Semasa RP negara penjajah cuba mengubah enkonomi negara yang dijajah secocok dgn keperluan industri mereka- menghasilkan bahan mentah secara komersial

Faktor-Faktor Mendorong Kedatangan Kuasa Barat ke Asia

- 1) Bahan Mentah
- 2) Kuasa pasaran hasil pengeluaran
- 3) Revolusi pengangkutan
- 4) Semangat berlumba/ merebut pengaruh
- 5) Tarif/cukai oleh Amarika
- 6) Menyebarkan pengaruh/ tamadun
- 7) Agama Kristian

Kesan-Kesan Imperialisme di Asia Tenggara

Politik

- Sistem pemerintahan di AT mengalami perubahan
- menerima penasihat / perundangan

- Persaingan kuasa , Inggeris di TM, Burma, India, China / Belanda di Indonesia / Perancis di Laos, Vetnam, Kemboja / Amarika + Sepanyol di Filipina

Ekonomi

- Kegiatan ekonomi tempatan tih distrukturkan , cth Di TM, tanaman getah telah diperkenalkan

Sosial

- Sistem pendidikan Inggeris diperkenalkan
- Import buruh drp negara luar- komposisi etnik telah berubah
- Pemerintah tempatan selepas merdeka terpaksa baiki situasi pendidikan dan pendatang asing

BAB 10:

DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA

Obektif Pembelajaran :

- 1) Menerangkan kegiatan ekonomi tradisional dan moden
- 2) Menerangkan dasar British terhadap tanah dan pekebun kecil
- 3) Mengenal kesan dasar British terhadap ekonomi negara

A. Ekonomi Tradisional (sara diri)

- ✍ Kegiatan Ekonomi masyarakat tempatan sebelum kedatangan British, melombong secara kecilan, bercucuk tanam, memunggut hasil hutan, menternak binatang dan menangkap ikan

- ✍ Pengeluaran kecil / teknologi mudah / modal kecil / buruh terhad / pasaran kecil
- ✍ Lebihan pengeluaran yg sedikit disimpan utk musim akan datang
- ✍ Teknogi mudah : tajak, cangkul, tenggala, tugal (ms.245)
- ✍ Dilakukan bersama keluarga

B.Ekonomi Dagangan

- ◆ ED kegiatan pertanian @ perlombongan yg melibatkan lebihan pengeluaran.

Ciri-Ciri

- ◆ Pengeluaran besar
 - ◆ Modal besar
 - ◆ Buruh ramai
 - ◆ Teknologi tinggi
 - ◆ Pemasaran luas
- ✍ Sebelum kedatangan British orang Melayu usahakan lombong secara kecilan dgn cara mendulang
 - ✍ Lombong dimiliki oleh pembesar Melayu seperti Long Jaafar, Ngah Ibrahim, Raja Jumaat, Datuk Bandar
 - ✍ Kedatangan British mewujudkan ekonomi dagangan berasaskan biji timah dan getah

Sistem Pertanian Komersial

- ✍ Pertanian berasaskan eksport
- ✍ Penyumbang utama pendapatan kerajaan
- ✍ Tanaman komersial abad ke-19, ubi kayu, tebu, lada hitam, gambir, tembakau, kopi
- Di Johor penanaman gambir dan lada hitam melalui Sistem Kangcu
- ✍ Pemodal Eropah dan China terlibat :
 - Modal, teknologi, pajakan tanah
 - Masy. Melayu ekonomi saradiri
 - Pemodal Eropah tumpuan kpd kopi, tembakau
 - Pemodal China – gambir, lada hitam, ubi kayu
 - Abad ke-20 pemodal British usahakan getah

Perusahaan Getah

- * Diperkenalkan oleh British di TM
- * Dikembangkan oleh Henry N. Ridley, Pengarah Botanikal Garden di

Singapura 1888 – menyakinkan peladang menanam getah / sistem torehan ibidem @ tulang ikan kering

faktor perkembangan getah

- (a) Permintaan tinggi akibat R.Industri
- (b) Sokongan pemodal Eropah melalui syarikat spt Harrissoons and Crosfield, Boustead Buttery Estet Agency, Guthrie, Sime Darby
- (c) Dasar British memberi galakan
- (d) Kadar sewa tanah yg rendah kpd peladang, kecualikan cukai eksport
- (e) Kemudahan infrastruktur- j.raya,kapi
- (f) Kemasukan buruh India-gaji murah

- ◆ Peningkatan keluasan getah (ms.248)
- ◆ 1929-1932 kemesesetan ekonomi dunia memberi kesan kpd pengeluaran getah (ms.250)
- ◆ Harga getah mulai merosot mulai 1920an. Rancangan Sekatan Stevesen diperkenalkan bagi menahan kejatuhan harga getah.

Industri perlombongan

- ⌘ TM kaya dgn galian emas, bijih timah, ranag batu, bauksit, antimoni, biji besi
- ⌘ Pedagang India mengelarkan *Suvarnabhumi* (Bumi Emas)
- ⌘ Perdagangan b. timah sejak abad ke-9 dan perlombongan emas bermula abad ke-20
- ⌘ Semuanya diusahakan orang Melayu secara kecilan
- ⌘ Lombong emas terawal di Kuala Selising, Sg, Jelai – Pahang
- ⌘ Secara komersial di Raub, Pahang
- ⌘ Pemodal Eropah dan China mula melibatkan diri perusahaan timah abad-ke19
- ⌘ Perlombongan timah, pada peringkat awalnya dikawal oleh pembesar Melayu . Pengusaha China mesti mendapat kebenaran dan menjual kpd pembesar Melayu
- ⌘ Abad ke-20, pengusaha Eropah mulai menguasai perlombongan timah – kapal korek
- ⌘ Terdapat pembesar Melayu memajak lombong kepada pemodal China
- ⌘ Rujuk ms.252 (Peta kawasan b.timah dan pengusahaan pemodal)

Penggunaan Tenaga Buruh Luar

Sebab kemasukan

- ⌘ Kepesatan pembangunan sektor pertanian dan perlombongan, kekurangan tenaga buruh

- ✍ Kemiskinan di negara mereka
- ✍ Galakan kerajaan British
- ✍ Tidak pernah ditentang oleh org Melayu

- ✍ Buruh India di bawa masuk, bekerja di ladang getah
- ✍ Buruh China bekerja di lombong timah

Kemasukan Buruh dari China

- ✍ Kebanyakan buruh China datangnya dari wilayah Kwangtung, Kawangsi, Fukien, Foochow.
- ✍ Cara kemasukan :

i) Sistem tiket kredit

- Bakal imigran (**sin kheh**) dikumpulkan oleh **kheh thau (ketua)**
- kheh tau akan dibayar bagi setiap buruh yang dibawa ke T.Melayu
- Golongan buruh diletakkan dibawah kawalan agensi buruh
- Buruh akan buat perjanjian dgn Majikan, kerja sehingga hutang dijelaskan
- Buruh dibekalkan tiket dan pergi kepelabuhan yg ditetapkan
- Mereka dibawa oleh pemborong buruh utk dibawa ke majikan di T.M

- ✍ 1872 jawatan pegawai pelindung buruh dari China diwujudkan

ii) Sistem pengambilan kakitangan

- Majikan yg perlu buruh hantar pegawainya ke China
- Segala perbelanjaan dibiayai Majikan

iii) Sistem pengambilan rumah kongsi

- pengambilan buruh oleh pegawai di negara China yg dilantik oleh rumah kongsi di TM

iv) Melalui tajaan syarikat

- Charles Brooke berpakat dgn ketua Foochaow di Sibu utk membawa masuk buruh Foochaow dari China

Kemasukan Buruh dari India

i. Sistem buruh bebas @ merdeka

- ◆ Datang dgn biayai sendiri

- ◆ Diatur kumpulan tertentu

ii. Sistem kontrak

- ◆ Majikan membiayai tambang
- ◆ Wajib kerja dgn majikan atara 1-3 th
- ◆ Bayaran 9-13 sen sehari
- ◆ Sering berlaku penindasan dan sistem ini dimansuhkan 1907

iii. Sistem kangani

- ◆ *Kangani*, bermaksud ketua / mandur / tandil
- ◆ Kangani diberi lesen oleh majikan utk mencari pekerja di India
- ◆ Diberi wang pendahuluan utk biayai buruh datang
- ◆ 1938 sistem ini diharamkan kerana penyelewengan oleh kangani

- ✍ kemakmuran negara menarik minat imigran datang
- ✍ masyarakat tempatan seharusnya lebih berusaha menikmati kekayaan negara

Institusi Kewangan dan Insurans

- ✍ Zaman Melaka, mata wang emas, perak dan timah digunakan utk urusan perdagangan
- ✍ Dinar emas di Kelantan, wang / kupang di Terengganu , jongkong tampang di Pahang
- ✍ Kedatangan org Eropah memperkenalkan mata wang sendiri
- ✍ Wang perak Sepanyol diperkenalkan 1580- digunakan di Negeri Selat
- ✍ Wang kertas NNS diperkenalkan 1906
- ✍ Penubuhan institusi kewangan / bank
- ✍ Bertujuan memberi pinjaman
- ✍ Urusan perdagangan antarabangsa berjalan lancar
- ✍ Mercantile Bank , bank pertama di TM, 1859.
- ✍ The Chartered Bank 1875, Hong Kong Bank 1894
- ✍ Pedagang tempatan boleh meminjam melalui org tengah @ komprador
- ✍ Bank tempatan pertama ditubuhkan 1913, Kwong Yik Bank
- ✍ Bank Melayu pertama, Malay National Banking Corporation 1947 di KL

- ✍ Perkhidmatan insurance : kebakaran, harta, perniagaan, kemalangan, pengakutan, nyawa
- ✍ Insurance penting, cthnya ,1881 hampir keseluruhan bandar Kuala Lumpur terbakar
- ✍ Syarikat insurance tempatan ditubuhkan, Straits Insurance Limited dan

Khean Guan Insurance Limited, berpusat di Singapura dan P.Pinang

C.Dasar British Terhadap Pertanian

- Dasar British ketika menjajah TM secara tidak langsung memanfaatkan masyarakat Melayu
- ✍ Memperkenalkan tanaman baru – kopi, tembakau, getah
- ✍ Komersilkan tanaman tradisional – gambir, lada hitam
- ✍ Memperkenalkan undang-undang melindungi tanah milik Melayu

- ✍ *Undang-Undang Berhubung Tanah*
- Sebelum kehadiran British, segala hal yg berkaitan tanah, seperti cukai dan aktiviti ekonomi mesti mendapat kebenaran pembesar Melayu
- Tanah merupakan kuasa politik dan ekonomi pembesar Melayu
- Tanah tidak boleh diwarisi
- Setelah kedatangan British, sistem pemilikan dan corak penggunaan tanah cuba diubah oleh British
- Pemilikan tanah telah direkodkan – utk urusan sewa beli, pajakan, penjualan, pembelian
- Undang2 tanah berkonsepkan barat diperkenalkan, Peraturan Tanah Perak 1879, Kanun Tanah Selangor 1891
- ✍ Tanah dibahagikan mengikut nilai komersialnya – tanah ladang, tanah peribumi, tanah perlombongan
- ✍ Kadar cukai berdasarkan jenis tanah
- ✍ Permohonan guna tanah kepada Pejabat Tanah bukan lagi pembesar Melayu
- ✍ Mendapat kebenaran utk mengutip hasil hutan – rotan, damar, nipah
- ✍ Orang Melayu mula terlibat dgn sistem ekonomi wang utk urusan tanah-cukai, sewa tanah, jual beli
- ✍ 1913, Akta Tanah Simpanan Melayu diluluskan – bertujuan elakkan tanah orang Melayu pindah kpd org asing
- ✍ Residen berkuasa istiharkan TSM
- ✍ Tujuan lain TSM –melindungi kepentingan penjajah :
- ✍ org Melayu tidak boleh tanam tanaman komersial
- ✍ kebanyakannya tanah tak subur
- ✍ tidak sesuai utk perladangan
- ✍ 1933, Land Settlement Order diperkenalkan di Sarawak utk melindungi tanah peribumi
- tanah campuran – boleh dimiliki imigran
- tanah simpanan
- tanah pendalaman
- ✍ 1889, Proklamasi 111 , melindungi tanah peribumi di Sabah

Dasar British terhadap Pekebun Kecil

- 1) kebanyakan PK org Melayu
- 2) Kolonial sememangnya mahu org Melayu sebagai petani
- 3) Enakmen Tanah Padi, 1917 melarang tanam getah – bertujuan kurangkan jumlah pekebun getah di kalangan org Melayu
- 4) Premium tanah baru utk tanam getah dinaikan
- 5) 1930an pembukaan tanah baru utk tanam getah dilarang
- 6) Kejatuhan harga getah – British memberi perlindungan kpd pemodal Eropah melalui Sekatan Stevenson 1922
- 7) Rancangan getah antarabangsa 1934, pekebun kecil diberi kuota yang rendah
- 8) Penduduk tempatan tidak berminat tanam padi, terpaksa import drp Thailand, Mymar, IndiChina
- 9) Kesimpulannya nasib rakyat tempatan bukanlah diberi keutamaan oleh British
- 10) Keuntungan utk penjajahan, peladang Eropah dan komprador
- 11) Skim perladangan meminggirkan pekebun kecil di TM

D.Kesan-Kesan Dasar Ekonomi

A) *Pembandaran (pekan kpd bandar)*

- Berlaku dikawasan yg kaya dgn sumber ekonomi penjajah
- Pekan yg berhampiran menjadi tumpuan membeli keperluan harian
- Pekan berkembang menjadi bandar – jadi pusat pentadbiran, perniagaan
- Bandar yg wujud akibat kegiatan perlombongan, KL, Ipoh, taipng, Seremban
- Pelbagai kemudahan dibuat- jalanraya, sekolah, bekalan air, bank, kesihatan
- Bandar baru ini dihuni oleh orang China- org Melayu masih tinggal di kampung tradisional, org India di ladang getah.

B) *Pembentukan Masyarakat Berbilang kaum*

- Dasar British yg mengalakkan penghijrahan buruh asing
- Di NNMB terdapat 163 000 imigran China tahun 1891 meningkat kpd 300 000 pada 1901.
- Kewujudan masyarakat berbilang kaum menyebabkan petempatan dan jenis pekerjaan rakyat mengikut kaum
- Orang Melayu- bertani – diluar bandar
- Orang India – buruh getah – estet
- Orang Cina – berniaga, lombong – bandar

C) Sistem Pendidikan Vernakular

- Sistem pendidikan yg menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar
- Sebelum kedatangan penjajah org Melayu belajar agama di surau, masjid
- Sekolah V Melayu pertama, di Teluk Belanga di Singapura 1856
- Sekolah Melayu yg didirikan pada peringkat rendah sahaja
- MPSI bertujuan melatih guru sekolah Melayu di tubuhkan di Tg.Malim 1922
- Kolej Melayu Kuala Kangsar, 1905, utk golongan berstatus
- Pendidikan Tamil disediakan oleh penjajah di bandar ,manakala di estet pula didirikan oleh pihak ladang
- Kurikulum , guru, buku drpd India
- Kewujudan sekolah China dibiayai oleh saudagar dari China
- Guru, sukatan pelajaran, buku dari China
- 1920 Enakman Pendaftaran sekolah, utk mengawal pertumbuhan sekolah Cina - bendung pengaruh komunis
- pendidikan Inggeris dimulakan oleh Mubaligh Kristian
- Sekolah Inggeris terletak di bandar

D) Sektor Perkilangan

- ✍ pada awalnya aktiviti ekonomi bertumpu kpd pengeluaran bahan mentah, contohnya b.timah dan getah
- ✍ Sektor perkilangan di Tm telah dimajukan utk keperluan eksport- th 1923, Syarikat Shum Yip Leong mendirikan 2 kilang buat kasut getah , eksport ke China
- ✍ Perusahaan mengetin nanas, berpusat di Johor, orang Perancis
- ✍ Kebanyakakan kilang dimiliki orag Eropah dan Cina

F. Sistem Pengakutan / Perhubungan

- ✍ Perkembangan kegiatan perlombongan dan pertanian menyebabkan perkembangan sistem pengakutan dan perhubungan
- ✍ Jalan keretapi dibia utk mengakut bijih timah dari lombong ke pelabuhan
- ✍ Jln keretapi pertama Taiping ke Port Weld, 1885.
- ✍ Jalan keretapi Seberang Perai ke sempadan Siam tahun 1918, ke Pantai Timur, siap 1931
- ✍ Jalan keretapi menggalakan pembukaan tanah baru dan mencepatkab pemungahan sumber
- ✍ Pembinaan jalanraya juga berkembang terutama di kawasan perlombongan timah dan getah

- ✍ Antara tahun 1911 hingga 1928 jalanraya menghubungkan Perlis dan Singapura telah dibina
- ✍ Sistem perhubungan, telegraf, telefon, pos, radio telah diwujudkan

G. Perkhidmatan Kesihatan

- ◆ Merupakan keperluan mendesak, terutama dgn kemasukan imigran
- ◆ Bekalan air tidak mencukupi, tempat tinggal padat – penyakit berjangkit mudah merebak
- ◆ Hospital kerajaan terawal di Taiping dan K.Lumpur ,1898
- ◆ 14 pusat kesihatan kecil telah didirikan di negeri Selangor, 2 di Pahang, 3 di N.9
- ◆ Hospital sumbangan perseorangan, Hospital Tung Shih di K.Lumpur, utk pekerja lombong Cina
- ◆ Usaha mengawal wabak melalui, Institut Penyelidikan Perubatan, 1900 di K.Lumpur
- ◆ 1890-an ditubuhkan sebuah lembaga@ badan utk mengawas kebersihan bandar seperti K.Lumpur, Sanitary Board

Kesimpulan

- Banyak pembangunan pada zaman penjajah namun begitu ia dilakukan demi kepentingan penjajah
- Segala hasil keuntungan mengalir ke Eropah
- Masyarakat Melayu tidak mampu bersaing dgn pemodal luar. Faedah yg diperolehi merupakan tempiasannya sahaja
- Kerajaan terpaksa melaksanakan pelbagai polisi demi membaiki keadaan ekonomi yg tidak seimbang di kalangan rakyat tempatan.

~~~~~

Hak Cipta :  
**Mohd Asri bin Yamin**  
**Smk Padang Tengku**  
**23 Zulkaedah 1426 h / 26.12.2005**

